

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG TACK [BENTONG]

TARIKH : 13 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sama ada IAEA (International Atomic Energy Agency) pernah membuat sebarang review untuk fasa operasi (*operational stage*) kilang Lynas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (International Atomic Energy Agency, IAEA) telah membuat penilaian terhadap kilang Lynas sebanyak 2 kali, iaitu:

- i. pada 29 Mei – 3 Jun 2011 untuk menilai keperluan bagi tujuan pengeluaran lesen Peringkat Pengendalian Sementara (*Temporary Operating License*, TOL); dan
- ii. pada 13 – 17 Oktober 2014 untuk menilai status perlaksanaan saranan IAEA tahun 2011 sepanjang tempoh operasi TOL bagi tujuan pengeluaran Lesen Pengendalian Penuh (*Full Operating Stage License*, FOSL).

Keseluruhan penemuan oleh Panel Pakar Bebas Antarabangsa dari IAEA mendapati bahawa projek Lynas telah mematuhi semua peruntukan

perundangan sama ada di peringkat kebangsaan mahupun standard atau amalan terpuji antarabangsa, selain mendapati kerangka perundangan negara berkaitan kawalseliaan, standard keselamatan sinaran di Malaysia adalah setanding, malah dalam beberapa aspek melebihi standard antarabangsa yang diamalkan oleh negara luar. Hasil daripada laporan tersebut telah dijadikan asas bagi permohonan lesen pengendalian penuh kepada syarikat Lynas.

Selain daripada penilaian oleh AEIA, beberapa Jawatankuasa dan pakar juga telah menilai operasi Lynas iaitu:

- a) Jawatankuasa Panel Teknikal Khas Projek Lynas (2011);
- b) Jawatankuasa Perundingan Awam (JKPA) Projek Lynas (2011);
- c) Jawatankuasa Unit Pemantauan Bebas bagi Audit Pembinaan (2012);
- d) Parliament Select Committee (PSC) (2012);
- e) Jawatankuasa Eksekutif Penilaian Operasi Lynas Advanced Materials Plant (LAMP) (2018); dan
- f) Jawatankuasa Teknikal Penilaian Kesesuaian Lokasi Kemudahan Pelupusan Kekal (PDF) Oleh Lynas (M) Sdn Bhd (2020).

Sekian, terima kasih.